

# Saluran TV Pendidikan diperluas tingkat PdPR

Kementerian  
Pendidikan  
kukuh kerjasama  
dengan stesen  
televisyen tambah  
masa siaran

Oleh Zanariah Abd Mutalib,  
Mohd Iskandar Ibrahim dan  
Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bagi meningkatkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), Kementerian Pendidikan akan memperluaskan saluran TV Pendidikan sebagai pendekatan pembelajaran ketika penularan wabak COVID-19.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Habibah Abdul Rahim menegaskan, ini kerana lebih 90 peratus rumah di negara ini memiliki televisyen, sekali gus mampu menjadikan capaian rancangan kepada TV berkenaan lebih meluas berbanding pembe-

lajaran dalam talian.

Beliau menjelaskan, Kementerian Pendidikan akan meningkatkan kerjasama dengan beberapa lagi stesen televisyen di negara ini bagi menambah tempoh masa rancangan TV Pendidikan.

"Kita tidak membuat siaran TV Pendidikan sebelum ini kerana kita sudah bergerak ke arah siri dalam talian menggunakan laman sesawang. Bagaimanapun, sepanjang tahun lalu, kita lihat ada beberapa kekangan seperti peranti dan capaian internet.

"Justeru, untuk memastikan pembelajaran lebih efektif di rumah, kita sudah kembalikan TV Pendidikan berbentuk terrestrial (siaran biasa)," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, Kementerian Pendidikan sudah memulakan kembali siaran TV Pendidikan melalui saluran *Okey TV* dan *ASTRO Tutor*, iaitu dua jam sehari dari Isnin hingga Ahad, bermula 9 pagi hingga 1.55 petang bagi *Okey TV* dan empat jam di saluran 601 dan 603.

"Kemudian kita tambah lagi di stesen *NTV7* sebanyak tiga jam sehari, Isnin hingga Jumaat, bermula 9 pagi hingga 12 tengah



Habibah Abdul Rahim

hari. Keseluruhannya, sembilan jam sehari. Kita sedang merancang kerjasama dengan pihak (stesen televisyen) lain supaya ada lebih siaran TV Pendidikan ini.

"Cuma, bagaimana kita boleh tambah masa dan program yang disediakan, itu sedang difikirkan oleh kementerian," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata RTM akan melancarkan satu saluran pendidikan baharu bagi membantu proses PdPR ketika dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Memaklumkan demikian pada sidang media sempena Mesyua-

rat Menteri-Menteri Digital ASEAN Pertama (ADGMIN1) secara maya semalam, beliau berkata, saluran itu kini di peringkat ujian dengan isu kandungannya dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan.

"Ketika pelaksanaan PKP pertama, kita bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan menggunakan (saluran) *Okey TV* di mana kita mempunyai (program) Kelas Di Rumah, dua sesi setiap hari, dua jam pada waktu pagi dan dua jam lagi pada petang.

"Ketika ini, kita sedang uji saluran baharu, tetapi kita memiliki isi kandungannya kerana ia daripada Kementerian Pendidikan. RTM sentiasa bersedia dalam isu ini," katanya menambah, RTM ada pengalaman luas dalam segmen TV Pendidikan sejak 1972 hingga 2008 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

"Disebabkan PKP, rakyat terpaksa duduk di rumah. Walau pun dalam PKP kali ini, kebanyakan perniagaan dibenarkan beroperasi, isu pendidikan tetap menjadi cabaran utama. Sekolah masih ditutup kecuali kepada calon peperiksaan awam utama," katanya.